



PELBAGAI spesies kura-kura seludup yang dirampas Perhilitan dengan bantuan anggota polis di sebuah premis di Simpang Ampat.

324 kura-kura bernilai RM250k

Hm 29/9/2022 Ms: 5

Perhilitan rampas pelbagai spesies dari pelbagai benua, lelaki berusia 40-an ditahan untuk siasatan

Oleh Mohd Jamil
Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Disifatkan antara rampasan terbesar membabitkan pelbagai hidupan liar seludup khususnya kura-kura yang dijual sebagai haiwan peliharaan eksotik.

Rampasan terbaru membabitkan sebanyak 324 ekor pelbagai spesies kura-kura berasal dari pelbagai benua itu dianggarkan bernilai lebih RM250,000.

Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, kegiatan penyeludupan haiwan liar dilindungi itu dibongkar hasil serbuan sepasukan pegawai Jabatan Perlindungan

Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Pulau Pinang dibantu anggota polis di sebuah premis di Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang jam 9 pagi semalam.

Menurutnya, seorang lelaki tempatan berusia 40-an ditahan untuk soal siasat sebelum pegawainya dibawa ke sebuah premis untuk pemeriksaan lanjut.

“Lelaki itu ditahan mengikut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) Abdul Kadir

“Hasil pemeriksaan dilakukan mendapati kediaman itu dijadikan pusat penyimpanan pelbagai spesies hidupan liar dilindungi berasal dari luar negara.

“Lelaki terbabit gagal mengemukakan sebarang lesen atau permit daripada Jabatan Perhilitan untuk menyimpan atau menjalankan perniagaan hidupan liar,” katanya.

Kadir berkata, rampasan

membabitkan 89 ekor kura-kura spesies *Geochelone Sulcata*, 68 ekor kura-kura *Yellow Footed Tortoise*, 31 ekor kura-kura spesies *Geochelone Elegans*, 37 ekor spesies *Geochelone Pardalis* dan 23 spesies *Common Snapping Alligator*.

“Turut dirampas 31 ekor spesies *Chinese Pond Turtle*, dua spe-

sies *Aldabra Giant Tortoise*, sembilan ekor kura-kura *Yellow Bellied Slider*, 12 ekor kura-kura *Chinese Stripe Necked Turtle*, seekor kura-kura *Red Eared Slider*, 19 ekor

kura-kura *Indian Spotted Turtle* dan seekor *Alligator Snapping Turtle*.

“Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan melebihi RM250,000 membabitkan 12 spesies kura-kura berasal dari India,

Afrika, Amerika Utara dan Amerika Selatan.

“Semua hidupan liar itu disita dan dibawa ke Pejabat Perhilitan Daerah Seberang Perai, Pulau Pinang. Lelaki itu ditahan dan disiasat mengikut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716),” katanya.



Georgetown: Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa undang-undang lebih ketat terhadap perdagangan haiwan peliharaan haram berikutan peningkatan bilangan haiwan eksotik dibawa masuk ke negara ini.

Malah pihak berkuasa perlu dimaklumkan mengenai undang-undang dalam membantu memantau semua kedai haiwan peliharaan di negara ini.

Presiden CAP Mohideen Abdul Kader berkata, hai-

CAP gesa undang-undang lebih ketat

wan eksotik itu selalunya diperoleh daripada orang yang tidak mempunyai pengetahuan, sumber atau komitmen mencukupi bagi menjaga haiwan berkenaan dengan betul.

Katanya, haiwan eksotik itu hidup dalam keadaan sangat berbeza di dalam sangkar atau tangki dan berada ribuan batu jauh daripada habitat asal semula jadinya. “Malah ibu bapa juga sang-

gup membeli haiwan eksotik itu kepada anak hanya bagi memenuhi permintaan mereka.

“Kanak-kanak pula sering menganiaya haiwan peliharaan eksotik ini dengan mengendalikannya secara kasar, sekali gus menyebabkan penderitaan kepada haiwan ini.

“Antara spesies haiwan kerap diperdagangkan adalah chinchilla, sugar glider,

iguana, kura-kura dan penyu, pelbagai primat, burung dan ular. Malah carian di dalam Internet bagi membeli kura-kura *Indian Star* memaparkan beberapa laman sesawang yang menjual spesies dilindungi,” katanya, semalam.

Mengulas lanjut Mohideen berkata, pemilik haiwan peliharaan eksotik itu juga cuba mengubah sifat semula jadi jadi haiwan berkenaan

dengan mengurungnya di dalam sangkar kecil dan kosong, merantai, memukul atau mendedahkannya kepada kecacatan yang menyakitkan seperti mencabut kuku dan gigi.

Menurut Mohideen, permintaan orang ramai menggalakkan lagi penyeludup bagi memburu spesies yang jarang ditemui.

Ia membabitkan rangkaian besar serta sindiket

yang menggaji kumpulan pemburu, pengumpul di kawasan luar bandar sehingga kepada orang tengah.

Katanya, pelbagai kaedah digunakan bagi memperdaya pihak penguatkuasa yang bukan pakar dalam mengenali pasti pelanggaran Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Fauna dan Flora Liar Terancam (Cites) dan tidak semua peruncit teliti dalam memastikan haiwan eksotik yang mereka beli itu diimport secara sah.